

*Pesan Sri Paus Fransiskus pada Hari Panggilan Sedunia ke-61:*

# Penziarah Harapan, Pembangun Perdamaian

**TAKHTA SUCI:** “Setiap tahun, Hari Doa Sedunia untuk Panggilan mengundang kita untuk merenungkan anugerah berharga panggilan Tuhan kepada kita masing-masing, untuk mengambil bahagian dalam rancangan kasih-Nya demi mewujudkan keindahan Injil dalam keadaan kehidupan yang berbeza,” demikian permulaan pesan Sri Paus Fransiskus sempena Hari Doa Panggilan Sedunia ke-61, April 21.

Pesan Sri Paus berfokus pada tema: “Dipanggil untuk menabur benih harapan dan membangun perdamaian.”

Bapa Suci mencatat bahawa semua umat Kristian dipanggil untuk menyahut panggilan Tuhan untuk melayani Dia di dunia, sama ada melalui hidup bakti, imamat, berkahwin bahkan sebagai orang bujang.

Katanya, rasa syukur harus menjadi ciri perayaan Hari Panggilan Sedunia sambil memdoakan dan memperingati ramai umat Kristian yang melayani Tuhan di semua lapisan masyarakat.

Secara khusus, Sri Paus Fransiskus mengajak generasi muda untuk memberikan ruang kepada Tuhan, agar mereka dapat menemui kebahagiaan dalam panggilan-Nya yang sentiasa menghargai kebebasan kita.

## **Ciri Sinode dalam Hari Doa Panggilan**

Sri Paus Fransiskus selanjutnya mengajak umat Kristiani untuk menjadi “penziarah harapan” dalam perjalanan Gereja menuju Jubli 2025.

Di tengah-tengah kepelbagaian karisma dan panggilan dalam Gereja, umat Tuhan dibimbing oleh Roh Kudus dan membentuk Tubuh Kristus sebagai anggota sebuah keluarga besar.

“Dalam hal ini, Hari Doa Panggilan Sedunia memiliki karakter sinode: di tengah-tengah kepelbagaian karisma kita, kita dipanggil untuk mendengarkan satu sama lain dan

melakukan perjalanan bersama. Roh memimpin kita demi manfaat semua orang.

Bapa Suci juga mendesak semua orang untuk berdoa memohon panggilan imamat dan religius agar Tuhan dapat “mengirimkan pekerja di ladang-Nya yang luas.”

Dalam persiapan Gereja mempersiapkan Jubli 2025, umat Kristian harus terlibat dalam doa setiap hari, mendengar suara Tuhan yang dapat membantu kita menjadi “penziarah harapan dan pembangun perdamaian.”

Bapa Suci mengingatkan bahawa ziarah umat Kristian bererti menjaga mata, fikiran dan hati kita agar tetap tertuju pada tujuan kita — Kristus — dan berjalan setiap hari dengan cara yang baharu.

“Ziarah kita di muka bumi ini bukannya perjalanan sia-sia atau pengembaraan tanpa tujuan,” ujarnya. “Sebaliknya, setiap hari, dengan menanggapi panggilan Tuhan, kita berusaha dan cuba mengambil setiap langkah yang diperlukan untuk maju menuju dunia baharu di mana masyarakat dapat hidup dalam perdamaian, keadilan dan cinta.”

## **Lelaki dan wanita harapan**

Tujuan dari setiap panggilan Kristian adalah untuk menjadi “lelaki dan wanita harapan,” yang membawa pesan Injil tentang harapan dan perdamaian di tengah krisis yang tak terhitung jumlahnya.”

Inilah makna sejati ziarah Kristian kita: kita memulakan perjalanan untuk menemui kasih Tuhan dan pada masa yang sama, untuk menemui diri kita sendiri hasil perjalanan ziarah yang disuburkan melalui hubungan kita dengan orang lain.

Kita adalah penziarah kerana kita telah dipanggil untuk mengasihi Tuhan dan untuk mengasihi satu sama lain.

Perjalanan ziarah kita di muka bumi ini jauh berbeza dari perjalanan di dunia, ia bukan perjalanan sia-sia atau pengembaraan tanpa tujuan; sebaliknya, setiap hari, dengan menyahut panggilan Tuhan, kita berusaha mengambil setiap langkah yang diperlukan untuk maju ke arah dunia baharu: Dunia di mana orang boleh hidup dengan aman, keadilan dan kasih sayang.

Kita adalah penziarah harapan kerana kita terus maju ke hadapan, ke arah masa depan yang lebih baik, komited pada setiap langkah.

Selalunya, Tuhan seakan-akan tidak wujud: di sekeliling kita, kita melihat ketidakadilan, kejahatan, ketidakpedulian dan kekejaman yang berterusan. Tetapi di tengah-tengah kegelapan, sesuatu yang baharu selalu muncul untuk menyedarkan kita akan berkat Tuhan serta lambat laun akan menghasilkan buah yang baik (*Evangelii Gaudium*, 276).

Rasul Paulus memberitahu kita bahawa, “dengan harapan kita telah diselamatkan” (Roma 8:24). Penebusan yang dicapai dalam misteri Paskah adalah sumber harapan, harapan yang pasti dan boleh dipercayai, berkat yang memampukan dan menguatkan kita untuk menghadapi cabaran masa kini.

Untuk menjadi penziarah harapan dan pembangun perdamaian, bermakna kita harus mendasarkan hidup kita di atas batu karang kebangkitan Kristus, mengetahui bahawa panggilan yang kita usahakan untuk hidupi, tidak akan pernah sia-sia.

Kegagalan dan halangan mungkin timbul di sepanjang jalan, tetapi benih kebaikan yang kita semai tumbuh secara senyap-senyap, membawa kita kepada matlamat utama: iaitu pertemuan kita dengan Kristus dan kegembiraan hidup selama-lamanya dalam kasih persaudaraan.

## **Keberanian untuk melakukan!**

Pada akhir pesannya, Sri Paus Fransiskus mengulangi kata-katanya semasa Hari Belia Sedunia di Lisbon: “Bangkitlah!”

“Marilah kita bangun dari tidur, mari kita tinggalkan sikap acuh tak acuh, marilah kita membuka pintu penjara di mana kita sering mengurung diri kita sendiri, agar setiap daripada kita dapat menemui panggilan-Nya yang sesuai di Gereja dan di dunia, serta menjadi penziarah harapan dan pembina keamanan!”

“Marilah kita bersemangat tentang kehidupan, dan beriltizam untuk mengambil berat dengan penuh kasih sayang kepada orang-orang di sekeliling kita, di setiap tempat di mana kita tinggal. Biar saya katakan sekali lagi: “Beranilah untuk komited!” — *media Vatikan*

# Jadi gila atau kudus?

Dalam puisi *Serenade*, seorang penyair Brazil, Adelia Prado berbicara tentang rasa sakit hati yang pedih kerana menunggu terlalu lama akan sesuatu atau seseorang datang agar kita berasa gembira semula.

Apa yang kita tunggu? Cinta? Teman sehati sejiwa? Tuhan? Tidak kira apa yang kita nantikan, kekecewaan dan rasa tidak sabar mendorong kita kepada dua pilihan: menjadi gila atau menjadi kudus.

*Aku mulai resah*

*Dan aku hanya dapat melihat dua pilihan: Sama ada jadi gila atau menjadi kudus.*

*Dan bila sesuatu atau seseorang yang ditunggu itu tiba:*

*Bagaimana aku dapat membukakan tingkap, kecuali aku gila?*

*Bagaimana aku akan menutupnya, kecuali aku kudus?*

Sama ada menjadi gila atau menjadi kudus, semakin kita dewasa, semakin kita menyedari bahawa kita selalu didorong kepada dua pilihan itu: kedua-duanya bergantung kepada cara kita dibesarkan dan batasan kita masing-masing.

Mengapa? Adakah ada yang salah dengan hidup dan dengan jiwa kita? Mengapa kita tidak dapat mendamaikan — gila dan kudus?

Penulis dalam Kitab Pengkhotbah ada menawarkan penerangan. Penulis menulis teks yang indah dan sering dipetik atau dirujuk tentang bagaimana segala-galanya di dunia ini mempunyai masa tertentu: *Ada untuk dilahirkan dan masa untuk mati; masa untuk menanam dan masa untuk menuai; masa untuk sakit dan masa untuk sembuh; masa untuk menangis dan masa ketawa; masa untuk berkabung dan masa untuk menari; masa untuk memeluk dan masa untuk menahan diri daripada memeluk; masa untuk berdiam diri dan masa untuk bercakap; masa untuk cinta dan masa untuk membenci; dan masa untuk perang dan masa untuk damai.*

Tuhan telah meletakkan irama yang indah untuk kehidupan dan telah menjadi-



*Kehidupan ini ada simfoni yang tidak akan selesai dan keresahan itu hanya akan diam ketika kita kembali di pangkuan Tuhan — Fr Ron Rolheiser.*

kan segala-galanya indah pada masanya sendiri, tetapi Tuhan juga telah meletakkan “masa percubaan” dalam hati manusia yang tidak selari dengan musim dari awal hingga akhir (Pengkhotbah 3, 1-11).

Tuhan telah menetapkan irama yang indah kepada alam; tetapi kita tidak mempunyai irama yang sama seperti unsur fizikal, tumbuh-tumbuhan dan haiwan kerana.

Berbanding dengan binatang, kita adakalanya boleh tersasar dari ritma semula jadi. Kita mempunyai ‘beban’ lebih sedikit berbanding alam, tumbuh-tumbuhan dan haiwan.

Ungkapan-ungkapan ini ada ditulis dalam pelbagai kesusasteraan di kalangan agamawan dan sekular.

Sebagai contoh, ahli teologi Jerman terkenal, Karl Rahner pernah menegaskan bahawa dalam rasa terseksa kerana berasa tidak puas hati kerana tidak semua perkara yang diinginkan dapat dicapai, kita juga belajar menerima hakikat bahawa kehidupan ini ada simfoni yang tidak akan selesai.

Dalam hal itu, Rahner memetik tulisan

terkenal Sto Augustine, 1700 tahun, *“Engkau telah menjadikan kami untuk diri-Mu, Tuhan, dan hati kami resah. Dan hati ini hanya akan tenang sehingga ia berada dalam dakapan-Mu.”*

Kata-kata Sto Augustine itu menyatakan kenyataan tegas bahawa ada simfoni dalam kehidupan yang tidak dapat diselesaikan dan tidak dapat dielakkan.

Ini adalah kerana, rumah abadi kita bukan di dunia ini. Itulah sebabnya, pada penghujung hari, kita tiada pilihan selain menjadi gila atau menjadi kudus.

Tidak menghairankan Ruth Burrows, seorang penulis rohani yang terkenal, memulakan autobiografinya dengan kata-kata ini: *Saya dilahirkan ke dunia ini dengan kepekaan yang menyeksakan dan laluan saya tidak mudah.*

Walaupun kenyataan seperti ini terdapat di mana-mana dalam kesusasteraan agama tetapi kita juga menemuinya dalam penulisan ramai penyair, novelis dan ahli falsafah sekular.

Sebagai contoh, selepas memenangi Hadiah Nobel untuk Kesusasteraan, Albert Camus, seorang yang mengaku

ateis, pernah ditanya oleh seorang wartawan sama ada dia percaya kepada Tuhan.

Dia menjawab: Tidak, saya tidak percaya kepada Tuhan, tetapi itu tidak bermakna saya tidak taksud dengan persoalan Tuhan.

Kenapa dia mempunyai obsesi itu? Kerana dalam pemikirannya, dia tidak dapat memahami mahupun dapat mencari tempat yang bebas dari keresahan kecuali ada Tuhan. Tanpa Tuhan, manusia tidak dapat berdamai dengan dirinya sendiri.

Camus menyamakan keadaan itu umpama seorang banduan di penjara zaman pertengahan di mana mereka diletakkan di dalam sel yang sangat kecil sehingga dia tidak boleh berdiri tegak sepenuhnya atau meregangkan badan.

Perasaan sesak dan terbatas serta berterusan itu, dipercayai, akhirnya akan mematahkan semangat banduan.

Bagi Camus, itulah situasi hidup kita. Kita tidak boleh benar-benar berdiri atau tidak pernah dapat meregang sepenuhnya. Akhirnya, ini mematahkan semangat kita — yang menjadikan kita gila atau kudus. Itu juga pandangan asas eksistensialis ateistik lain seperti Martin Heidegger dan Jean-Paul Sartre.

Menjadi gila atau menjadi kudus! Richard Rohr menawarkan kita pilihan ketiga, menjadi pahit.

Dia berhujah bahawa apabila kita mencapai usia tertentu, kita hanya mempunyai tiga pilihan yang masih terbuka kepada kita: Kita boleh menjadi orang tua bodoh yang menyedihkan; atau kita boleh menjadi orang tua bodoh yang pahit; atau kita boleh menjadi orang tua yang kudus.

Perhatikan perkara yang tidak boleh dapat kita lari. Kita semua akhirnya akan menjadi bodoh tetapi kita mempunyai pilihan menjadi orang bodoh yang bagaimana — gila, pahit, atau kudus. — *Hakcipta Terpelihara 1999-2024, Fr Ron Rolheiser*

## Mengenal suara Tuhan

Dalam bab 10 Injil Yohanes, gembala dan domba-domba menggambar hubungan intim di antara Yesus dan para pengikut-Nya.

Budaya menjaga ternakan dalam masyarakat Yahudi mempunyai dua erti. Pertama, gembala dan domba tidak dapat dipisahkan. Kawanan domba tidak dapat dijaga dan dipelihara tanpa gembala dan tugas utama gembala adalah menjaga dan memastikan supaya kawanan domba itu selamat, cukup makan dan terhindar dari ancaman binatang buas.

Kedua, pekerjaan gembala dalam masyarakat Yahudi adalah pekerjaan “kelas kambing” atau status pekerjaan yang paling rendah. Oleh itu golongan ini dipandang rendah oleh masyarakat kaum Yahudi.

Oleh kerana keintiman hubungan antara gembala dan domba maka gembala mengenali setiap domba dan domba mengenali gembala mereka.

Gembala yang sering bersama dengan domba-domba dapat dikenali dari suaranya dan dari baunya. Setiap hari kawanan domba itu sering mendengar jeritan atau pekikan suara gembala untuk memberi arahan kepada mereka.

Bukan itu sahaja tetapi gembala akan tidur bersama dengan domba-domba

dikandungnya dan ini membuat gembala itu diharumi bau domba peliharaannya. Bau ini membuat domba itu lebih rapat dengan gembala itu.

Seluruh hidup gembala diserahkan untuk hidup domba-domba peliharaannya dan Yesus berkata, “Aku memberikan hidup yang kekal kepada mereka dan mereka pasti tidak akan binasa sampai-selama-lamanya...”

Yesus sebagai gembala kita telah menandatangani Diri-Nya dan mengorban hidup-Nya bagi kita semua.

Masa Paskah ini meyakinkan kita bahawa Yesus sebagai gembala baik telah menjaga dan memelihara kita melalui kematian dan kebangkitan-Nya.

Sudah tentulah melalui sakramen pembaptisan kita telah ditebus oleh Yesus kerana dalam pembaptisan kita mati dan bangkit bersama Yesus. Inilah tindakan belas kasih Tuhan yang teragung.

Namun kehidupan kekal ini tidaklah secara automatik dapat dimiliki tanpa usaha iman kita. Tidak ada jalan singkat pergi ke syurga.

Untuk memiliki kehidupan kekal ini, Yesus mengingatkan kita bahawa “domba-domba-Ku mendengarkan suara-Ku dan Aku mengenal mereka dan mereka mengikuti Aku.”

Sikap bijak mendengar suara Tuhan setiap hari dapat memperdalamkan hubungan yang intim dengan Tuhan. Pada masa yang sama banyak juga suara yang lain disekeliling kita untuk memesongkan iman kita dan merenggangkan hubungan kita dengan Tuhan.

Antara lain aktiviti rohani yang boleh membantu kita merapatkan relasi dengan Tuhan ialah membaca dan berdoa Alkitab, Firman Tuhan.

Dengarkanlah pesan dan ajaran-Nya melalui “*Lectio Divina*” supaya pengenalan kita dengan Tuhan semakin mendalam dan bila kita semakin mengenali suara-Nya semakin kita diresapi dengan Roh Kudus yang tentunya menguatkan kita dalam perjalanan iman kita.

Menghadiri Ekaristi, berdoa secara komuniti dan peribadi, devosi, amal bakti adalah tempat kita mendengar suara Tuhan. Inilah yang akan mengharumkan hidup kita menuju kehidupan kekal yang telah dijanjikan oleh Yesus.

Hari Minggu Paskah Keempat ini juga disebut “Minggu Panggilan”.

Gereja memerlukan orang-orang tertentu yang dipanggil dan dipilih secara istimewa untuk melayani Gereja, laksana gembala yang memperhatikan domba-domba.

Mari melihat kehidupan gembala di

**HARI MINGGU  
PASKAH IV  
(HARI MINGGU DOA  
PANGGILAN)**

**KISAH PARA RASUL 4: 8-12;  
1 YOHANES 3: 1-2.  
INJIL YOHANES 10:11-18.**

Palestine. Gembala di Palestine berbeza dengan gembala di negara kita.

Di Palestine, domba dipelihara untuk diambil bulu atau susunya. Maka, domba-domba itu akan hidup lama dengan si gembalanya, kerana ia tidak disembelih. Di sana terjadi relasi akrab antara gembala dan dombanya.

Yesus mengingatkan, di sekitar kita ada banyak suara lain yang cuba meniru suara-Nya.

Mungkin suara itu menjanjikan kesejahteraan, kejayaan malah kekayaan. Kita tidak dapat menjamin apakah hal itu nantinya demi kebaikan kita?

Atau kita sedang dipujuk supaya mengikuti suaranya dengan maksud menjerumuskan kita? Suara itu seakan benar merupakan solusi bagi masalah kita.

Domba yang baik pasti akan dapat membedakan mana suara gembalanya, dan mana yang bukan! — *santapan rohani*

PAITAN, Sandakan: “Gereja tidak menggalakkan perkahwinan yang diatur keluarga kerana ia adalah salah satu penyumbang kepada perceraian. Suami isteri harus saling mengampuni sesama dan saling menyokong antara satu sama lain dari segi fizikal, emosi dan rohani,” demikian kata paderi penguasa Mission Paitan baru-baru ini.

Seminar “Sukacita Dalam Kasih Keluarga” yang berlangsung di Kapela St Simon, Kg Timpus, Mission Paitan telah dihadiri 156 peserta.

Sebanyak tujuh ceramah berkaitan komunikasi dan peranan dalam keluarga, pengambilan substans dan ketagihan gajet, cabaran keluarga dan harapan, telah disampaikan dalam seminar tersebut.

Semasa memimpin Misa Kudus, Fr Arthur John selaku paderi penguasa Mission Paitan berpesan kepada pasangan suami isteri agar saling membangun komunikasi sihat dan bertanggungjawab.

Tegasnya, “Perceraian bukan satu pilihan Gereja untuk menyelesaikan masalah rumah tangga.” Paderi itu menasihati pasangan suami isteri bahawa semua cabaran dalam rumahtangga harus dijadikan peluang untuk memperbaiki kelemahan diri dan keluarga.

Tambahnya, para suami dan isteri

# Keluarga beriman, sukacita bagi Gereja



Para peserta Seminar Sukacita dalam Kasih Keluarga diingatkan untuk selalu meluangkan waktu dengan keluarga dan menghadkan penggunaan gajet ketika bersama keluarga.

bertanggungjawab untuk memberikan pendidikan akademik dan rohani kepada anak-anak.

Fr Arthur turut menekankan betapa pentingnya meluangkan masa bersama anak-anak tanpa penggunaan telefon bimbit.

Beliau juga menggalakkan budaya berdoa diamalkan dalam keluarga.

“Semua keluarga pasti akan

berhadapan dengan kesedihan, krisis, perselisihan faham dan banyak lagi. Tetapi, apa jua cabaran dilalui, kembalilah kepada Tuhan, buang rasa ego dan mengampuni, akan menjadikan sebuah keluarga lebih kukuh.”

Salah sebuah sesi yang menyentuh hati dalam seminar tersebut ialah “Harapan Keluargaku” yang menekankan perdamaian dalam keluarga.

Semua peserta memberikan kerjasama yang baik dalam sesi ini. Mereka saling merendahkan hati untuk berdamai, berpelukan dan mengucapkan kata-kata maaf.

Salah seorang peserta yang hanya mahu dikenali sebagai Ismail mengongsikan seminar itu membuka mata rohaninya serta menyedari kelemahan diri dan memberinya semangat untuk memperbaiki kesalahannya.

Rakannya, Kayun mengatakan selama ini beliau berfikir kehidupan keluarganya sudah cukup baik dan bahagia. Hakikatnya keluarganya mengalami keruntuhan kekeluargaan tanpa disedari. Kayun amat bersyukur kerana melalui seminar itu, Tuhan telah memberinya inspirasi untuk memperbaiki diri serta lebih peduli dengan keluarganya.

Mission Paitan merupakan satu-satunya mission di Keuskupan Sandakan di bawah jagaan Katedral St Mary, Sandakan. Ia terletak kira-kira 250 km dari Katedral St Mary.

— Anna Sauna

## Bazaar Caritas, pupuk semangat prihatin

PLENTONG, Johor: Bazaar Sumbangan Kasih Caritas kembali kali keduanya di Flat Teratai Plentong atau dikenali Flat Hijau oleh penduduk setempat pada Mac 3 lalu.

Selain daripada mengumpul dana, aktiviti yang diketuai oleh POHD St Joseph Plentong di bawah pimpinan Jessica Kee dan 35 orang sukarelawan itu adalah untuk mempromosi semangat muhibah bersama masyarakat pelbagai kaum.

Pelbagai aktiviti menarik yang dijalankan semasa bazaar tersebut khususnya aktiviti sukaneka yang diketuai oleh para belia seperti “mini bola keranjang”, cangkak dan pertandingan mewarna bagi golongan kanak-kanak.

Sesi Dr Maria Lee dari Komisi Keharmonian Alan Ciptaan menjelaskan kepada umat tentang alam sekitar, terutamanya tentang kesan buruk pencemaran plastik.

Ceramah itu menarik minat kanak-kanak seterusnya dapat meningkatkan kesedaran dalam menjaga alam sekitar dengan formula 3R (*Reuse, Reduce & Recycle*).

Beberapa umat awam yang sempat ditanya mengenai aktiviti hari tersebut mengatakan mereka bukan sahaja dapat membeli barangan mampu milik tetapi mereka mengakrabkan lagi ikatan persahabatan.

Walaupun hujan, penduduk setempat memberikan kerjasama yang sangat baik dengan para sukarelawan sehingga berjaya mengumpul dana sebanyak RM1110.



Sesi perdamaian dalam Seminar Sukacita dalam Kasih Keluarga di Mission Paitan, baru-baru ini.

## Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

**HERALD**  
5, Jalan Robertson,  
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:  
liza@herald.com.my

## Ucapan makian dan cercaan, adakah berdosa?

Melemparkan kata-kata kesat atau mengatakan sesuatu secara makian, mengumpat, menghina dan sebagainya telah disebut berkali-kali dalam Alkitab serta Katekismus Gereja Katolik (KGK), sebagai dosa.

Dalam budaya popular hari ini, kata-kata kesat atau menggunakan bahasa kesat adalah perkara biasa. Biasanya ia tidak kelihatan seperti dosa, kerana ia tidak selalu menyakiti seseorang.

Namun penggunaan kata-kata kesat adalah dilarang dalam Katekismus Gereja Katolik. Khususnya larangan menggunakan nama Tuhan bukan sahaja menggunakan nama Yesus Kristus secara tidak wajar, tetapi juga Perawan Maria dan semua orang kudus.

Katekismus Gereja Katolik 2146 mencatat: Dengan demikian, kita tidak dapat memanggil nama seseorang, termasuk nama orang-orang kudus, apalagi nama Tuhan dengan tidak hormat. Dengan demikian, perintah ini melarang penyalahgunaan nama Tuhan, baik Tuhan Bapa, Tuhan Putera, Tuhan Roh Kudus, beserta dengan Perawan Maria dan semua orang kudus.

KGK 2158: Tuhan memanggil setiap orang dengan namanya (Yes 43:1; Yoh 10:3). Nama setiap orang itu kudus. Nama itu serupa ikon peribadi. Sebagai tanda martabat orang yang memakainya, nama harus dihargai.

Memanggil seseorang dengan nama yang tidak senonoh adalah satu lagi contoh yang jelas



tentang bagaimana seseorang boleh melanggar perintah kedua.

Sesungguhnya Gereja tidak menyenaraikan setiap perkataan kasar yang dilarang tetapi Alkitab berulang kali memberi nasihat agar kita mengelakkan penggunaan “kata-kata tidak senonoh”.

Kolose 3:8 menyatakan, “Tetapi sekarang, buanglah semuanya ini, iaitu marah, geram, kejahatan, fitnah dan kata-kata kotor yang keluar dari mulutmu.”

“Dengar dan camkanlah: bukan yang masuk ke dalam mulut yang menajiskan orang, melainkan yang keluar dari mulut, itulah yang menajiskan orang.” (Matius 15:11).

Terdapat beberapa cara untuk menghentikan tabiat berkata “kotor dan kesat”. Pertama: berlatih tidak berkata apa-apa. Ini adalah kemahiran yang agak mudah untuk dikembangkan: semasa perbualan setiap hari, berhenti seketika sebelum bercakap (sama ada anda ingin berkata kesat atau tidak).

Apabila anda merasakan keinginan untuk melemparkan kata-kata kesat, berhenti dan hitung hingga lima sebelum anda membuka mulut anda. Ini akan membantu mengawal lidah anda! (Menggelakkan lidah mengeluarkan perkataan yang jelik).

Satu lagi cara yang berkesan: setiap kali anda melepaskan kata-kata makian, balaslah dengan doa. Misalnya, jika anda memandu dan seseorang memotong kereta anda tanpa memberi isyarat dan anda terlepas ucapan makian serta sumpah seranah, bacalah tiga kali Bapa Kami sebaik sahaja anda bertenang.

Ini akan menguatkan tekad anda untuk berkata jahat serta menyucikan lidah anda kepada Yesus.

Anda akan terkejut betapa cepatnya tabiat bersumpah akan hilang daripada diri anda.

Kristus memberi amaran kepada kita bahawa kita perlu mempertanggungjawabkan setiap perkataan cuai yang kita ucapkan.



Oleh itu, marilah kita menjaga lidah kita dan cuba mengatasi kekasaran yang mengelilingi kita. — *Aleteia*

# Sahabat kecil Yesus

**Akulah gembala yang baik. Gembala yang baik memberikan nyawanya bagi domba-dombanya**  
(Yohanes 10: 11)




Cari 11 perbezaan pada gambar di bawah.



K = II      L = ♥      H = ↓  
 A = ⚡      E = ☆  
 N = ✎      B = ⬠      G = Ⓣ

Bongkar KOD RAHSIA pada gambar ini untuk membaca pesan Yesus.

|   |    |   |   |   |   |   |    |
|---|----|---|---|---|---|---|----|
| A | II | U | ♥ | A | ↓ |   |    |
| G | ☆  | M | ⬠ | A | ♥ | A |    |
| Y | ⚡  | N | Ⓣ | B | ⚡ | I | II |



Hello adik-adik,

Kisah Injil hari ini berbicara tentang gembala. Bagi adik-adik yang lahir pada zaman moden ini, adik-adik mungkin tidak pernah melihat seorang penggembala binatang.

Seorang gembala biasanya mengawal atau menjaga sekumpulan haiwan ternakan misalnya domba atau kambing, kuda, lembu dan ternakan lain.

Pada zaman Yesus, penggembala domba adalah pekerjaan yang tidak asing lagi.

Yesus memberikan pererangan tentang gembala yang baik. Gembala yang baik menurut Yesus adalah: gembala yang menyerahkan hidupnya untuk

domba-domba gembalaannya. Gembala yang baik ialah seseorang yang mengenal domba-dombanya dan domba-dombanya juga mengenali dia.

Gembala yang baik juga tidak lari menyelamatkan diri apabila domba-dombanya dalam bahaya.

Yesus mempunyai ciri-ciri, sifat dan tugas seorang gembala yang baik. Dan Yesus sendiri berkata, "Akulah Gembala Yang Baik!". Yesus menyebut diri-Nya gembala yang baik kerana Dia sanggup menyerahkan diri, hidup, nyawa-Nya bagi keselamatan domba gembalaannya iaitu kita semua!

Salam Sayang  
Antie Melly

# BELIA MILENIUM

## Perkongsian para bapian baharu 2024

### BERASA SELALU DILINDUNGI

Saya ingin menjadi pengikut Yesus kerana saya ingin Yesus hadir dalam hidup saya.

Saya juga ingin menerima berkat dan cinta kasih Yesus dalam diri saya.

Selain itu, saya ingin melahirkan sikap saling mengasihi dan menghormati antara sesama. Pengalaman peribadi saya selepas mengikuti Inisiasi Kristian Remaja ialah saya menjadi semakin berani dan yakin untuk tampil di khayalak ramai.

Kini, selepas dibaptis, saya semakin ceria, bersemangat dan berani menghadapi segala cabaran yang akan datang.

Antara lain pengalaman yang menarik selepas mengenal Yesus ialah hati dan fikiran saya menjadi lebih tenang.



Selain berasa dilindungi dan dikasihi, saya percaya bahawa hanya melalui Yesus kita memperoleh keselamatan dan hidup yang kekal.

Firman Tuhan yang menjadi kekuatan dalam hidup saya setiap hari ialah dalam Yo-

hanes 14:6, "Akulah jalan untuk mengenal Tuhan dan untuk mendapat hidup. Tidak seorang pun dapat datang kepada Bapa kecuali melalui Aku."

Sebagai bapian baharu, saya berazam terus aktif dan berusaha untuk menyertai pelayanan-pelayanan Gereja bagi menguatkan lagi iman saya. — **Melly Fernanda James, Katedral St Francis Xavier, Keningau**

## Indah dan dalamnya makna tujuh Sakramen Gereja Katolik

Seorang remaja yang baharu dibaptis pada malam Paskah, April 6 lalu mengatakan dia tertarik untuk menjadi Katolik selepas menyaksikan neneknya diurapi minyak orang sakit.

Hanya mahu ditulis namanya sebagai Anne mengatakan neneknya adalah seorang Katolik tetapi tidak pernah mengamalkan agama Katolik.

Sepanjang yang diingatnya, neneknya lebih kepada agama Buddha, menyembah nenek moyang dan tidak pernah ke Gereja.

Tetapi, Tuhan amat berbelas kasih. Ketika nenek terlanjur sakit, Tuhan tidak membiarkan nenek sendirian.

Semasa nenek sakit, harinya merindui Sakramen Pengurapan Orang Sakit.

Nenek meminta kepada Anne agar mencari paderi Katolik agar dapat memberikannya Sakramen itu.

Anne yang pada ketika itu, masih seorang Buddha, meminta bantuan daripada rakan-rakan

Katolik agar hasrat nenek tercapai.

Biarpun neneknya meninggalkan Gereja Katolik sekian lama tetapi paderi yang memberikan pelayanan Sakramen itu langsung tidak menghakimi malah menawarkan Sakramen Pengakuan dan seterusnya mengurapinya dengan minyak suci.

Dan melalui pencarian dan pembacaan, Anne mendapati hanya Gereja Katolik yang menawarkan pelayanan Sakramen.

"Selepas dibaptis (dengan restu ibu bapa), saya meneruskan pembacaan beberapa dokumen tentang Gereja Katolik misalnya Katekismus Gereja Katolik, Ajaran Sosial Gereja Katolik dan akan terus berusaha membaca artikel-artikel berkaitan katekesis Sri Paus Fransiskus.

Satu kegembiraan bagi Anne selepas menyertai Inisiasi Kristian Remaja (IKR) ialah adik-adiknya juga menunjukkan kemahuan untuk dibaptis selepas melihat perubahan sikap pada Anne.

## Tawaran istimewa mengikuti Yesus



Beberapa orang Brother Kapusin sedang menyampaikan perkongsian panggilan mereka.

NIBONG TEBAL, Pulau Pinang: Diilhamkan dari Efesus 4:11-12, yang berbicara tentang pelbagai karunia yang dianugerahkan oleh Kristus — rasul, nabi, penginjil, gembala, dan pengajar — sekumpulan orang muda, berumur 12 hingga 20 tahun, berkumpul di Gereja St Anthony.

Para belia berhimpun di gereja tersebut bagi memperdalamkan pemahaman mereka tentang panggilan dan makna mendalam menjawab panggilan Tuhan.

Dengan kerjasama Tim Panggilan Keuskupan Pulau Pinang (PDVT), paderi paroki St Anthony, Fr Arulnathan Joseph, rali panggilan itu mengangkat tema, "Come Discover '24".

Antara paderi dan religius yang menyampaikan sesi dan menjadi fasilitator ialah paderi keuskupan (Fr Louis Loi, Fr Raymond Raj dan Fr Arulnathan) Fr Gilbert James, Bro Aldrin dan Joshua dari

Kapusin; Sr Jessica dari *Little Sisters of the Poor* serta Emmanuel dan Victoria Dorai dari PDVT.

Sesi yang disampaikan menumpukan kepada perkongsian daripada rohaniwan dan paderi, bagaimana mereka mengenal panggilan Tuhan dan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam hidup mereka selepas menjawab panggilan-Nya. Ini disusuli dengan sesi soal jawab.

Para peserta juga diajak untuk mencari kekuatan mereka dan mengembangkan bakat atau talenta mereka.

Melalui renungan dan dorongan dalam rali ini, para peserta dapat lebih memahami cara mendedikasikan hidup mereka untuk memuliakan Tuhan.

Mungkin, panggilan mereka adalah untuk berkahwin dan menjadi ibu bapa yang hebat atau hidup tunggal,



tetapi tidak mustahil, ada di antara mereka yang mempunyai panggilan sebagai melayani komuniti sebagai religius mahupun paderi.

Semoga para peserta rali panggilan ini semakin mengenal dan berani menjawab panggilan masing-masing.

## Memelihara kemurnian tubuh di dunia moden

PUCHONG: Bagi Sri Paus Santo Yohanes Paulus II, tubuh manusia adalah tanda realiti ilahi atau tanda kehidupan Tuhan (*Theos*) sendiri.

Manusia adalah citra Tuhan kerana diciptakan dari nafas Tuhan sendiri (menurut gambar dan rupa Tuhan sendiri). Den-

gan demikian, tubuh manusia menjadi sakramen yang menghadirkan dan menjelaskan keberadaan dan kehidupan Tuhan sendiri.

Perkara ini dijelaskan kepada para peserta belia Our Lady of Guadalupe, yang menghadiri Kem Kesedaran Teologi Tubuh.

baru-baru ini.

Selama dua hari, melalui sesi ceramah, perbincangan dan pencerahan tentang sifat cinta, perhubungan dan seksualiti manusia, para peserta semakin mengerti bahawa tubuh manusia diciptakan oleh Tuhan sebagai kediaman-Nya.

# Setiap Kristian harus bela martabat manusia

ROMA: Menjadi seorang Kristian bererti membela martabat manusia termasuk menentang pengguguran bayi, hukuman mati, pembedahan penukaran gender, perang, pelecehan seksual dan perdagangan manusia, kata Dikasteri Ajaran Iman dalam sebuah dokumen yang baharu diterbitkan.

“Kita tidak dapat memisahkan iman dari pembelaan martabat manusia, evangelisasi dari peningkatan kehidupan yang bermartabat dan kerohanian dari komitmen terhadap martabat setiap umat manusia,” kata Kardinal Víctor Manuel Fernández, prefek Dikasteri Ajaran Iman, yang menulis di bahagian mukadimah dokumen tersebut.

Dokumen tersebut, “*Dignitas*

*Infinita* (Martabat Tak Terbatas), diumumkan di Vatikan pada April 8.

Kardinal Fernández menulis bahawa deklarasi mengenai martabat manusia dan masalah bioetika – seperti pengguguran janin, euthanasia dan ibu tumpang – telah disetujui oleh anggota dikasteri pada pertengahan tahun 2023 tetapi Sri Paus Fransiskus meminta dikasteri tersebut untuk menambah isu-isu berkaitan martabat seperti kemiskinan, situasi migran, keganasan terhadap wanita, peperangan dan beberapa isu lain.

Deklarasi itu mencatat bahawa Konstitusi Pastoral Konsili Vatikan Kedua tentang Gereja di Dunia Moden juga menggabungkan

pelbagai ancaman terhadap martabat manusia mulai dari pengguguran hinggalah euthanasia, serta situasi-situasi kehidupan tidak manusiawi dan keadaan kerja yang merendahkan martabat.

Para anggota dikasteri doktrinal juga memasukkan hukuman mati sebagai pelanggaran terhadap “martabat setiap orang yang tidak dapat dicabut, apa pun situasinya serta menyeru penghormatan terhadap martabat orang-orang yang dipenjarakan.

Dokumen tersebut mengancam diskriminasi terhadap kelompok LGBTQ+ dan juga orang-orang “dipenjarakan, diseksa dan bahkan dirampas hak hidupnya kerana orientasi seksual mereka.”


Namun, dokumen itu menge-

cam “teori gender” sebagai “sangat berbahaya kerana teori itu mengabaikan perbezaan demi membuat semua orang setara.”

Deklarasi itu mengajarkan bahawa “kehidupan manusia dalam segala dimensinya, sama ada jasmani mahupun rohani, adalah anugerah Tuhan. Karunia ini harus diterima dengan rasa syukur dan ditempatkan untuk melayani kebaikan.”

Memetik nasihat Sri Paus Fransiskus dalam “*Amoris Laetitia*,” deklarasi tersebut mengatakan ideologi gender “membayangkan sebuah masyarakat tanpa perbezaan seksual, sehingga menghilangkan dasar antropologi keluarga.”

Mengenai isu migran dan pela-



*Dignitas Infinita (Martabat Tak Terbatas) mengancam pelbagai isu yang melanggar martabat manusia.*

rian, para anggota dikasteri mengatakan meskipun “tidak seorang pun secara terbuka menyangkal bahawa mereka adalah manusia,” tetapi kebanyakan undang-undang migrasi dan sikap masyarakat terhadap migran “menunjukkan mereka kurang menghormati martabat para migran atau pelarian.”

— *media Vatikan*

## Ahli Palang Merah diseru junjung nilai tertinggi kehidupan

TAKHTA SUCI: Umat beriman terpanggil untuk membela kehidupan dan martabat manusia tanpa memandang perbezaan agama, ekonomi, politik, atau sosial, kata Sri Paus Fransiskus.

“Bagi orang beriman, setiap orang adalah suci,” katanya kepada sukarelawan Palang Merah (Red Cross) Itali pada April 6 lalu.

“Setiap ciptaan manusia dicintai oleh Tuhan dan oleh itu, merupakan pemegang hak asasi manusia yang tidak dapat disingkirkan atau dicabuli.”

Bapa Suci menyampaikan ucapannya kepada sekitar enam ribu

sukarelawan yang mengenakan seragam merah sempena ulang tahun ke-160 Palang Merah Itali.

Uskup Roma itu menyeru anggota Palang Merah untuk selalu menjunjung “nilai tertinggi kehidupan” dan membela masyarakat yang paling rapuh khususnya anak-anak.

Bapa Suci secara khusus menyatakan penderitaan kanak-kanak di Ukraine yang mencari perlindungan di Itali akibat perang dengan mengatakan, “Kanak-kanak itu sukar tersenyum; mereka lupa kemampuan untuk tersenyum,” katanya.

Prelatus itu juga mengancam masyarakat yang “egois” pada ketika ini dan meminta para sukarelawan agar tidak meminggirkan mereka yang kurang upaya secara fizikal dan mental kerana setiap orang “memiliki martabatnya dan patut mendapat perhatian kita,” kata Bapa Suci Fransiskus.

“Saya mendorong anda untuk terus dekat dengan saudara dan saudari yang memerlukan dengan kemurahan hati dan berbelas kasihan, terutama pada ketika rasisme dan penghinaan tumbuh seperti rumput liar pada zaman ini.” — *media Vatikan*



*Bapa Suci Fransiskus menyeru anggota Palang Merah agar selalu membela masyarakat yang paling rapuh.*

## Sri Paus memperingati 800 tahun stigmata Santo Fransiskus Assisi

ROMA: “Luka akibat sengsara dan wafat Kristus serta stigmata yang diberikan kepada sebagian umat Katolik selama berabad-abad adalah peringatan akan rasa sakit yang dideritai Yesus kerana kasih dan keselamatan kita semua,” kata Sri Paus Fransiskus.

Namun, stigmata tersebut juga merupakan pengingat bahawa melalui pembaptisan, umat Katolik ikut serta dalam kemenangan Kristus atas penderitaan dan wafatnya kerana “melalui luka-luka-Nyalah belas kasihan dari Dia yang Bangkit dan Tersalib mengalir kepada kita.”

Bersama rombongan biarawan Fransiskan Itali dari La Verna dan Tuscani pada April 5, Sri Paus Fransiskus merayakan ulang tahun ke-800 Santo Fransiskus Assisi menerima “hadiah stigmata”.

Santo Fransiskus menerima stigmata selepas bertapa dan melakukan penebusan dosa di perbukitan La Verna, pada tahun 1224.

Para biarawan juga membawa relik berisi darah dari stigmata Santo Fransiskus kepada Bapa Suci.

Stigmata atau berkongsi luka-



*Biarawan Fransiskan dari Tuscani dan La Verna membawa relik berisi darah Sto Fransiskus dari Assisi kepada Sri Paus Fransiskus pada April 5.*

luka Kristus, adalah sebuah peringatan bahawa seorang umat Katolik adalah sebahagian dari “tubuh Kristus,” bukan sebuah konsep tetapi ia adalah realiti.

Dalam “persekutuan cinta iaitu Gereja, kita masing-masing menemukan kembali siapa diri kita, putera dan puteri Tuhan yang terkasih, diberkati, didamaikan, diutus untuk memberikan kesaksian akan keajaiban rahmat-Nya.”

Santo Fransiskus Assisi dapat menjadi “pendamping dalam per-

jalanan, menyokong umat Katolik dan membantu mereka “agar tidak ditimpa kesukaran, ketakutan dan kontradiksi, baik yang kita alami maupun yang dialami orang lain.”

Stigmata Santo Fransiskus adalah seruan kepada umat dan para Fransiskan pada masa ini: “Untuk diampuni, membawa pengampunan, disembuhkan dan membawa kesembuhan, gembira dan sederhana dalam persaudaraan, berbahagi dengan kekuatan cinta.” — *media Vatikan*

## Bapa Suci bertemu keluarga tebusan di Gaza

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus bertemu dengan saudara-mara tebusan Israel yang ditahan di Gaza sejak Oktober 7, 2023, pada April 8 lalu.

Menurut Pejabat Akhbar Takhta Suci, pertemuan itu berlaku di Istana Apostolik Vatikan.

Saudara mara kepada tebusan Israel itu mengungkapkan rasa sedih dan bimbang mereka terhadap Bapa Suci.

Bapa Suci turut menyatakan kedekatan, doa dan kesedihannya bersama keluarga tebusan itu.

Semasa bertemu dengan keluarga tebusan yang tinggal di Itali, Bapa Suci turut dijadualkan bertemu dengan beberapa perwakilan institusi politik dan masyarakat Yahudi.

Ini merupakan pertemuan kali kedua keluarga tebusan bersama Sri Paus.

Bapa Suci telah berulang kali menggesa gencatan senjata di Semenanjung Gaza untuk memudahkan akses bantuan kemanusiaan, untuk rundingan bagi menamatkan perang dan untuk pembebasan tebusan. — *media Vatikan*



*Sri Paus Fransiskus bertemu dengan sanak saudara tebusan Israel yang masih ditahan di Gaza sejak April 7, 2023. Gambar: Media Vatikan.*

PESAN KEPADA KOTA ROMA DAN SELURUH DUNIA SRI PAUS FRANSISKUS

# Gulingkan “batu-batu” peperangan

TAKHTA SUCI: “Sama seperti Yesus menggulingkan batu di kuburnya pada pagi hari Kebangkitan, Kristus memiliki kuasa untuk menggulingkan batu-batu yang menghalang jalan menuju kehidupan dan yang menjebak umat manusia dalam perang dan ketidakadilan,” kata Sri Paus Fransiskus.

Melalui kebangkitan-Nya, Yesus membuka “pintu-pintu yang terus-menerus tertutup akibat perang yang tersebar di seluruh dunia,” katanya setelah merayakan Misa Paskah di Dataran Santo Petrus, Mac 31.

“Hanya Kristus yang bangkit, yang memberikan kita pengampunan atas dosa-dosa kita, yang membuka jalan bagi dunia,” tambahnya.

Dari balkoni Basilika Santo Petrus, Sri Paus berdoa kepada Kristus yang bangkit untuk membawa perdamaian di Israel, Palestine dan Ukraine serta tempat-tempat lain yang dilanda konflik.

Bapa Suci juga mengajak komuniti antarabangsa untuk memastikan akses bantuan kemanusiaan ke Gaza dan menyeru “pembebasan segera” para tahanan semasa Hamas menyerang Israel, Oktober 7, “gencatan senjata segera di jalur Gaza.”

“Perang adalah kebodohan, tidak masuk akal dan merupakan sebuah kekalahan,” kata Bapa Suci seraya meminta agar “angin perang yang semakin kuat tidak sampai ke Eropah dan Mediteranian.”



“Perdamaian tidak pernah dicapai dengan senjata sebaliknya dengan tangan dan hati terbuka.”

Misa Paskah di Dataran Santo Petrus yang dipenuhi bunga dimulai dengan nyanyian “aleluia” di mana ikon Yesus dipersembahkan kepada Sri Paus.

Sesuai tradisi, Sri Paus tidak menyampaikan homili pada Misa pagi sebaliknya menundukkan kepala dan melakukan refleksi hening selama beberapa minit.

Vatikan mengatakan sekitar 30,000 orang menghadiri Misa pagi Sri Paus dan terdapat lebih 60,000 orang umat berada di Dataran Sto Petrus semasa Bapa Suci menyampaikan pesan Paskah dan berkat “*urbi et orbi*” (kepada kota dan dunia).

Sri Paus Fransisku berdoa untuk perdamaian di beberapa titik konflik di se-

luruh dunia, termasuk Syria, Lebanon, Haiti, Myanmar, Sudan, Mozambique, dan Republik Demokratik Congo.

Uskup Roma itu juga berdoa bagi warga Muslim Rohingya – kumpulan etnik di Myanmar yang teraniaya, yang menurutnya “diserang oleh krisis kemanusiaan yang parah.”

“Semoga Kristus yang bangkit membuka jalan harapan bagi semua orang yang di belahan dunia lain, yang menderita akibat kekerasan, penganiayaan, konflik dan kesan perubahan iklim.”

Sri Paus Fransiskus juga meminta agar terang Kristus yang bangkit “menyinari para migran dan semua orang yang sedang melalui masa kesukaran ekonomi” sebagai sumber penghiburan dan harapan.

— *media Vatikan*

PENULIS BERKICAU

## Dignitas infinita

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat kekerapan dan peningkatan isu identiti jantina.

Baru-baru ini, Vatikan dengan pendirian tegas menyatakan pandangan Gereja Katolik dalam deklarasi yang baharu, *Dignitas infinita* (martabat tak terbatas) dalam isu-isu seperti pembedahan penukaran jantina, pengguguran bayi, kemiskinan, ancaman “keganasan digital” serta peperangan.

Dokumen ini, yang ditandatangani oleh Kardinal Victor Manuel Fernández, mantan prefek di Pejabat Takhta Suci telah diluluskan oleh Sri Paus Fransiskus.

Ia dihasilkan selepas lima tahun kerja teliti dan refleksi teologi. *Dignitas infinita* bertujuan untuk menggabungkan ajaran-ajaran Sri Paus Fransiskus yang menawarkan kedudukan Gereja Katolik mengenai maruah manusia, termasuk perspektifnya mengenai teori dan pembedahan jantina.

Pada teras *Dignitas infinita* ditegaskan akan “maruah tak terbatas” pada setiap individu manusia, martabat yang tidak boleh dilanggar “tidak kira apa pun keadaan dan dalam apa jua keadaan atau situasi yang dialami oleh individu tersebut.”

Prinsip asas ini menyokong pendekatan Vatikan terhadap dilema etika, sosial dan bioetika kontemporari, menekankan nilai yang wujud dalam kehidupan manusia dan keperluan untuk melindunginya sehinggalah kepada kematian semula jadi.

Dokumen ini juga secara khusus membincangkan topik teori jantina serta mengkategorikannya sebagai “sangat berbahaya” kerana teori itu mencadangkan untuk memadamkan perbezaan semula jadi dalam usaha menjadikan semua orang sama.

Dokumen komprehensif ini juga tidak mengelak daripada menyentuh isu pembedahan jantina dan secara jelas menyatakan penolakan terhadap pembedahan untuk mengubah jantina.

Rasional di sebalik pendirian ini adalah sangat teologis iaitu Gereja Katolik melihat tubuh manusia sebagai “martabat imej Tuhan”, kenisah Roh Tuhan atau bait Roh Kudus bersemayam.

Pendirian Vatikan berakar umbi pada kepercayaan kesucian tubuh manusia yang dicipta oleh Tuhan dan sebarang percubaan untuk mengubah jantina seseorang dilihat sebagai kegagalan untuk menghormati maruah yang wujud ini.

Walau bagaimanapun, *Dignitas infinita* juga mengakui kewujudan pengecualian. Dokumen itu membenarkan kemungkinan bahawa individu yang terjejas oleh “anomali alat kelamin yang sudah terbukti sejak lahir atau yang berkembang kemudiannya” boleh mendapatkan bantuan perubatan untuk menangani keadaan sedemikian.

Selain itu, deklarasi itu mengetengahkan isu kritikal lain yang berkaitan dengan maruah manusia, termasuk layanan terhadap homoseksual. Ia mengutuk penindasan, pemenjaraan, penyiksaan dan juga pelaksanaan hukuman mati terhadap individu semata-mata berdasarkan orientasi seksual mereka sebagai “bertentangan dengan maruah manusia.”

Penerbitan *Dignitas infinita* kena pada masanya, ketika masyarakat di seluruh dunia bergelut dengan implikasi kemajuan teknologi yang pesat, peralihan norma sosial dan pemahaman yang berkembang tentang jantina dan identiti.

Apabila dokumen ini memasuki wacana awam, sudah pasti ia akan mencetuskan perbincangan dan perdebatan.

Namun apa yang terutama ialah menjaga maruah manusia dalam semua bentuknya kerana hidup ini adalah amat sakral.

## Ikon pendidikan: Sr Enda Ryan FMM meninggal dunia

KUALA LUMPUR: Uskup Agung Julian Leow dan para klerus di Keuskupan Agung Kuala Lumpur menyampaikan ucapan takziah kepada kongregasi Franciscan Missionaries Malaysia dan Singapura di atas pemergian Datin Paduka Sr Enda Ryan pada April 7, 2024.

“Jasa dan dedikasi mendiang Sr Enda dalam bidang pendidikan, lebih-lebih lagi di kalangan wanita, telah membantu ramai wanita malah memberi peluang kepada yang memerlukan,” ujar surat yang dikeluarkan oleh chancelor Keuskupan Agung Kuala Lumpur.

Sr Enda FMM berasal dari Ireland dan sejak tahun 1966, menjadi warganegara Malaysia, di mana mendiang menghabiskan hayatnya untuk memberikan pendidikan bagi para wanita dari pelbagai etnik dan agama.

Sr Enda meninggalkan sekolah rendah dan menengah Assunta yang diasaskannya, serta klinik Kebajikan Ave Maria, yang kemudiannya menjadi hospital. Tetapi di atas semua itu, dia tetap menjadi contoh kepercayaan, serta komitmen dan kepeduliannya terhadap perpaduan dalam kalangan pelajar, tanpa mengira kepercayaan atau asal usul etnik mereka.

Tetapi di atas semua itu, beliau dihormati dan dikenali atas imannya yang teguh serta komitmen dan kepeduliannya terhadap perpaduan dalam kalangan pelajar, tanpa mengira kepercayaan atau asal usul etnik mereka.

Beliau menyertai *Franciscan Mission-*



Sr Enda Ryan, FMM

*aries of Mary* (sebuah institut yang diasaskan oleh Helene de Chappotin) pada tahun 1947 dan tiba di Tanah Melayu pada tahun 1954 atas permintaan Sir Michael Hogan – Presiden Mahkamah Keadilan Tanah Melayu ketika itu – untuk menubuhkan sekolah bagi para gadis di mana pendidikan mereka terhenti selepas pemberontakan komunis.

“Kami semua, pelajarnya, terhutang budi tidak terkira kepada Sr Enda. Beliau telah melatih kami menjadi warganegara yang baik dan bertanggungjawab,” ujar bekas pelajar Assunta, Regina Morris.

Dr Jemilah Mahmood, bekas presiden Mercy Malaysia, sebuah NGO antarabangsa yang menyediakan bantuan perubatan

semasa bencana, menyatakan pengalamannya semasa menjadi pelajar di bawah bimbingan Sr Enda, “Tiada seorang pun pernah berasa tersisih dan semua pelajar bergaul dengan baik, walaupun berbeza latar belakang etnik dan agama.”

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Tengku Pemaistri Selangor, Tengku Pemaistri Norashikin turut menyampaikan salam takziah kepada keluarga Datin Paduka Sr Enda Ryan.

Dalam catatan di laman Facebook Pejabat Diraja Selangor, Sultan Sharafuddin merakamkan penghargaan kepada mendiang Enda Ryan, yang telah banyak berjasa dalam pendidikan dan kebajikan di Malaysia sejak tiba di Tanah Melayu pada 1955.

“Sebagai menghormati jasa dedikasi dan sumbangan luar biasa beliau, Enda Ryan telah dikurniakan Darjah Kebesaran Dato' Sultan Sharafuddin Idris Shah, yang membawa gelaran Datin Paduka, oleh Sultan Selangor pada 2007,” kata catatan tersebut.

Sepanjang hayatnya, Sr Enda telah menerima banyak anugerah atas komitmennya dalam bidang pendidikan. Antaranya ialah Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Pendidikan (1985), Anugerah Perkhidmatan Terbilang (1986), Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Sultan Selangor (1987) dan Anugerah Guru Terbaik Selangor (1990). Beliau juga dianugerahkan ijazah kedoktoran kehormatan kemanusiaan dari Universiti Taylor pada tahun 2022. — *pelbagai sumber*

## Pentahbisan paderi, Rev Kennedy Nakudah

KENINGAU: “Permohonan untuk panggilan lebih ramai hanya akan jadi permohonan sahaja jika kita tidak mempedulikan panggilan kita sendiri. Adakah kita orang yang bertanggungjawab terhadap panggilan atau penghalang kepada mereka yang mahu menjawab panggilan Tuhan?” kata Uskup Cornelius Piong yang memimpin perayaan Ekaristi Pentahbisan Paderi, Rev Kennedy Nakudah, 43 dilahirkan di Apin-Apin Keningau pada Ogos 11, 1981 dan berasal dari paroki Katedral St Francis Xavier.

Dalam amanatnya kepada calon paderi, Uskup Cornelius mengatakan, “Pergunakanlah tenagamu dalam tanggungjawab, mengajar dalam nama Kristus, Guru Ilahi, kongsi kanlah Firman Tuhan dengan umat yang kamu telah terima dengan sukacita, renungkanlah hukum Tuhan, imanilah apa yang kamu baca, ajarkanlah apa yang kamu imani dan amalkanlah apa yang kamu ajarkan.”

Benih panggilan Fr Kennedy bermula ketika beliau dibaptis April 7, 1996 pada usia 15 tahun.

Katanya, sejak dibaptis, beliau mula menyedari akan panggilannya untuk menjadi paderi.

Memilih tema pentahbisan,



Fr Kennedy Nakudah, ditahbis pada April 7, 2024 di Dataran Solidariti Keuskupan Keningau, sedang memberikan berkat pertamanya.

“Inilah Aku, Utuslah Aku” (Yesaya 6:8), merupakan inspirasi Fr Kennedy sebelum memasuki *Catholic Diocesan Center*, Kota Kinabalu pada tahun 2014.

Uskup Cornelius Piong dalam ucapannya mengungkapkan syukur dan terima kasih kepada Tuhan kerana telah memanggil serta memilih Rev Kennedy sebagai paderi.

Prelatus itu juga mengucapkan terima kasih kepada keluarga Fr Kennedy kerana kemurahan hati dan sokongan padu mereka.

Kepada kaum muda yang hadir dalam pentahbisan tersebut, Uskup Cornelius berharap agar ritus pentahbisan pada hari itu dapat menjadi semangat mereka untuk berani menjawab panggilan Tuhan.

Bapa Uskup Cornelius seterusnya mengumumkan Fr Kennedy ditugaskan di Katedral St Francis Xavier, Keningau.

Fr Kennedy merayakan Misa pertamanya di KSFX sempena Pesta Khabar Gembira malaikat Gabriel kepada Perawan Maria, April 8, 2024.

## Gereja SM siap siaga Perhimpunan Pastoral Serantau

KUALA LUMPUR: Perhimpunan Pastoral Serantau (RPA) bagi Semenanjung Malaysia (SM), dijadualkan pada Ogos 25-27 di Majodi, Plentong. RPA ini direka untuk mengharmonikan atau menyatukan semua seruan ke arah sinodaliti dalam pastoral Gereja Semenanjung Malaysia.

Pengerusi Tim Pastoral Semenanjung Malaysia (PMPT), Msgr Jude Miranda, semasa mesyuarat teras PMPT pada Mac lalu membentangkan perjalanan pastoral sejak *Aggiornamento* pada 1976, sehinggalah menuju ke Konvensyen Pastoral Malaysia (MPC) pada 2026. MPC adalah perhimpunan besar pertama yang menyaksikan penyertaan daripada semua keuskupan di Malaysia.

Kemudian, Fr Dr Lawrence Ng membentangkan proses pastoral yang dicadangkan untuk RPA.

Beliau berkata bahawa RPA (Konvensyen Pastoral Semenanjung Malaysia V) sedang berusaha merapatkan hala tuju pastoral Gereja Semenanjung Malaysia sejak 1976, dalam semangat Gereja Sinodal.

Fr Lawrence seterusnya menumpukan proses sepanjang tiga hari itu iaitu:

- Meraikan (Hari Pertama): Meraikan Sejarah dan Keharmoniannya seiring dengan panggilan menjadi Gereja Sinodal.

- Mendengar (Hari Kedua): Mengambil bahagian melalui Pendengaran Aktif dan Kebijaksanaan



Komunal berdasarkan apa berlangsung di perhimpunan-perhimpunan keuskupan.

- Berjalan (Hari Ketiga): Msgr Jude menjelaskan bahawa proses ini melibatkan aksi pertobatan, menghayati semangat persekutuan dan meningkatkan seruan untuk misi menuju ke MPC 2026.

Msgr Peter Ng menekankan bahawa templat MPC adalah sebagai panduan memandangkan proses ke arah MPC masih berkembang.

Fokus RPA: Keluarga, Gereja, Ekologi dan Masyarakat (FCES), di mana setiap paroki menyumbang idea mereka dalam perhimpunan pastoral keuskupan dan akhirnya dibawa ke perhimpunan wilayah pada bulan Ogos ini.

Jawatankuasa bersetuju setiap keuskupan (Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Melaka Johor) akan diwakili oleh 150 orang yang terdiri daripada klerus, religius dan awam serta 50 orang sukarelawan.

## Kepentingan pertolongan cemas psikologi semasa krisis



PLENTONG, Johor: Gereja St Joseph menjadi hab pembelajaran dan pemeraksanaan komuniti apabila Caritas Keuskupan Melaka-Johor menganjurkan sesi latihan Pertolongan Cemas Psikologi (PFA).

Inisiatif latihan sangat diperlukan dan bertujuan untuk melengkapkan individu dengan kemahiran bagi memberikan sokongan segera kepada mereka yang terjejas oleh bencana alam.

Latihan ini dikendalikan oleh kaunselor bertauliah, Pastor Lydia Goh dari gereja *Full*

*Gospel Church* Johor Bahru.

Beliau merupakan ahli Rangkaian Tindak Balas Krisis *Evangelical Christian Fellowship* (NECF), yang turut merangkumi Caritas MJD.

Para peserta dilatih mengenali tanda-tanda kesusahan yang dialami oleh para mangsa dan pengetahuan asas serta tanggungjawab am sebagai penyedia PFA dengan menekankan tiga prinsip aksi konkrit: Lihat, Dengar dan Paut.

*Lihat*: Mencari keperluan ke keselamatan asas, kenal pasti ke-

bimbangan yang mendesak dan sistem sokongan.

*Dengar*: Menawarkan sokongan emosi.

*Paut*: Mengakses maklumat, perkhidmatan dan sokongan sosial.

Salah seorang peserta, Dr Maria Lee menyatakan rasa puas hatinya dengan latihan itu seraya menyifatkannya sebagai “bermaklumat dan menarik.”

Beliau amat mengalu-alukan latihan sedemikian diadakan lebih kerap dalam usaha membantu masyarakat semasa krisis.

## Ahli OFS diseru hadapi cabaran dunia dengan kekuatan Injil

PAPAR: Seramai 162 ahli-ahli *Ordo Franciscanus Sacularis* (OFS) dan peninjau telah mengikuti ceramah pembentukan iman yang bertajuk “*We have been called, freedom*” yang disampaikan oleh Friar Gerald Samiel OFM yang berlangsung pada April 5-7 lalu di Pusat Retret Pace Bene.

Persoalan-persoalan yang mendasar sebagai manusiawi seperti, apakah tujuan kehidupan ini? Mengapa ada penderitaan?

Adakah kekayaan harta menjadi kepentingan bagi diri saya? Begitu juga dengan kepelbagaian nafsu, kemahsyuran nama, pangkat dan darjat — adakah ini semua penting bagi diri saya?

Friar Gerald menerangkan bahawa lantaran perubahan yang cepat dan terdapat juga kemerosotan nilai-nilai moral serta tradisional keluarga dan masyarakat, maka setiap anggota OFS diseru menghadapi cabaran-cabaran ini

untuk berakar pada Injil Yesus serta tidak melupakan misi yang diamanahkan kepada mereka iaitu meneruskan misi Yesus di dunia.

Friar Gerard juga mengingatkan bahawa para Fransiskan sekular dipanggil untuk “berkomitmen pada refleksi yang diilhami oleh iman tentang Gereja, misinya di dunia dewasa ini, dan peran awam Fransiskan di dalam Gereja” (*GGCC pasal 14.1*). — *Evelyn Justine*

